

No. Ruj : LPIPM:SPT/BSB/01/3/3 Klt.2 (1)
Tarikh : / Mac 2023

Kepada:

YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PENGUATKUASAAN JADUAL KEEMPAT AKTA 520 CIDB
- Pemakluman Penguatkuasaan Standard MS 1017:2022 dan MS 832:2022

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang Tuan/Puan sedia maklum, lanjutan dari mesyuarat yang telah diadakan pada 8 Februari 2023 berkaitan penguatkuasaan standard *MS 1017:2022 - Aluminium framed sliding glass doors – Specification (Second revision)* dan *MS 832:2022 Aluminium Alloy Windows – Specification (Second revision)*, telah diterbitkan dan merupakan antara produk yang dikawalselia oleh CIDB di bawah Jadual Keempat Akta 520 (Pindaan) 2011.

3. Selaras dengan penerbitan standard-standard terkini dan mengambilkira kepentingan serta kesediaan pihak industri berhubung pelaksanaan penguatkuasaan bagi standard-standard di atas seperti mesyuarat yang telah diadakan pada 31 Januari 2023 yang lepas, telah bersetuju untuk menetapkan tarikh bagi peralihan kepada pematuhan standard terkini adalah seperti berikut:

Produk	Standard	Standard Terkini	Tarikh Berkuatkuasa
<i>Aluminium framed sliding glass doors</i>	MS 1017:2012	MS 1017:2022	1 September 2023
Aluminium Alloy Windows	MS 832:2011	MS 832:2022	

4. Sehubungan dengan itu, Tuan/Puan diminta untuk memastikan segala keperluan mengikut standard yang terkini dipatuhi. Untuk pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai kami iaitu Pn. Nur Hanis Amsari/ En. Md Zahari Abdul Rahman di talian 03-4047 7485/ 03-4047 7483 atau emel kepada standard@cidb.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BINA SEMPURNA”



Sr NAZIR MUHAMAD NOR
Pengurus Besar
Bahagian Standard dan Bahan Binaan
Sektor Pembangunan Teknologi
b.p. Ketua Eksekutif